

Ada pihak buang bahan kimia dalam Sungai Teritit

Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my



Pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang mengambil contoh air Sungai Teritit yang tercemar bahan kimia. FOTO IHSAN PEMBACA

Pekan: Penduduk tiga kampung tradisional di daerah ini resah apabila berlaku pencemaran dipercayai bahan kimia dibuang pihak tidak bertanggungjawab ke dalam Sungai Teritit dekat Merchong, dekat sini, kelmarin.

Penduduk Kampung Merchong dan dua penempatan Orang Asli di Kampung Serun dan Kampung Chenkeroh bimbang kesan sampingan boleh berlaku berikutan air sungai yang tercemar dan mengeluarkan bau tidak menyenangkan.

Penduduk Kampung Merchong, Ismail Kasim, 52, berkata, ini kejadian kali pertama pencemaran bahan kimia berlaku sehingga menimbulkan keresahan.

Katanya, kejadian mula disedari beberapa penduduk selepas mendapati air Sungai Teritit berbuih dan berbau bahan kimia sebelum aduan dibuat kepada pihak berwajib.

Disyorkan

- [Elak risiko tumpahan kimia](#)
- [Udang galah 'mabuk'](#)
- [Sungai Anak Air Garam tercemar](#)
- [Sungai Kim Kim semakin pulih](#)

"Air Sungai Teritit mengalir turun ke Sungai Palas kemudian ke laut, saya bimbang pencemaran yang berlaku boleh menyebabkan ikan mati dan keracunan pada hidupan air.

"Pada peringkat awal penemuan itu, penduduk mendakwa bahan kimia yang dibuang seperti asid," katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bebar, Datuk Mohammad Fakhruddin Ariff berkata, penduduk dinasihatkan supaya berhati-hati dan mengelak melakukan sebarang aktiviti di kawasan sungai seperti memancing atau mengambil hidupan air di parit.

Katanya, wakil Pusat Khidmat Rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Bebar bersama pegawai Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pahang sudah meninjau keadaan kawasan yang berlaku pencemaran termasuk Sungai Teritit.

"Air Sungai Teritit tercemar daripada sumber yang belum dikenal pasti dan bagi mengelak sebarang risiko, penduduk dinasihat supaya tidak menghampiri sungai terbabit.

"Semua agensi bertanggungjawab sudah dimaklumkan dan tindakan sedang dijalankan, kita bersama-sama doakan supaya situasi ini dapat ditangani secepat mungkin demi kesejahteraan penduduk," katanya.